

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

PLG 413 Kaedah Mengajar Fizik II

Masa : [2 jam]

Jawab SEMUA soalan dari Bahagian A, SATU soalan dari Bahagian B dan SATU soalan dari Bahagian C.

BAHAGIAN A (Jawab SEMUA soalan)

1. Bincangkan perbezaan pengajaran dan pembelajaran fizik bagi kaedah penemuan dan perubahan konseptual.

Huraikan langkah-langkah yang perlu dijalankan bagi mengajar Hukum Newton Pertama menggunakan kaedah perubahan konseptual.

(40 markah)

2. Pengetahuan falsafah sains adalah perlu bagi guru-guru fizik. Adakah anda setuju dengan kenyataan ini? Berikan alasan-alasan bagi menyokong pendapat anda.

(20 markah)

BAHAGIAN B (Jawab SATU soalan sahaja)

3. Matapelajaran sains dalam KBSM diajar di sekolah mulai tahun ini. Nyatakan empat perkara utama yang membezakan matapelajaran sains dalam KBSM dan KLSM. Bincangkan kesemua perkara-perkara itu dengan ringkas.

(20 markah)

4. Bilangan komputer terdapat di sekolah adalah terhad. Apakah kegunaan yang sesuai untuk pengajaran berkomputer bagi matapelajaran fizik di sekolah dengan bilangan komputer yang terhad ini? Berikan satu contoh untuk menjelaskan jawapan anda.

(20 markah)

...2/-

BAHAGIAN C (Jawab SATU soalan sahaja)

5. Apakah yang dimaksudkan oleh Vee-heuristik? Terangkan bagaimana Vee-heuristik ini dapat digunakan dalam pengajaran fizik di sekolah. Jelaskan jawapan anda dengan memberi satu contoh.

(20 markah)

6. Apakah yang dimaksudkan oleh pemetaan konsep? Bincangkan bagaimana pemetaan konsep dapat digunakan dalam pengajaran fizik di sekolah. Jelaskan jawapan anda dengan memberi satu contoh.

(20 markah)

- oooOooo -